

## Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Pameran sains, teknologi, dan inovasi yang terbesar di Malaysia \_\_\_\_\_ diadakan di Planetarium Negara selama lima hari.  
A telah  
B akan  
C sudah  
D belum
- 2 Jabatan Perhutanan menggunakan kelengkapan rakaman yang terdapat \_\_\_\_\_ dron untuk memantau aktiviti kawasan hutan dengan lebih berkesan.  
A di  
B pada  
C dengan  
D kepada

## Soalan 3 – 5

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 3 Pemasangan penukar bermangkuk di dalam industri pembuatan kenderaan bermotor merupakan salah satu langkah inovasi yang efektif untuk mengurangkan pencemaran alam. Tiada kesalahan.  
A  
B  
C  
D
- 4 Pelbagai bahan-bahan terbuang boleh digunakan untuk menghasilkan ciptaan bersifat mesra alam. Tiada kesalahan.  
A  
B  
C  
D

- 5 Golongan muda digalakkan menceburkan diri di dalam bidang sains dan teknologi bagi memajukan negara pada masa depan. Tiada kesalahan.  
A  
B  
C  
D

## Soalan 6 – 7

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 6 Laman web seperti Youtube seharusnya murid dan guru yang berminat dengan inovasi layari untuk mendapat idea baharu.  
A murid dengan guru yang berminat dengan inovasi layari  
B murid dan guru yang berminat dengan inovasi melayari  
C dilayari oleh murid dan guru yang berminat dengan inovasi  
D murid dan guru yang berminat dengan inovasi layari
- 7 Vaksin yang dihasilkan teramat penting sekali untuk mencegah penyakit dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat.  
A amat penting  
B amat terpenting  
C terpenting sekali  
D teramat penting sekali

**Ulasan**  
Jawapan PT3 2019

Sistem Bahasa Bahagian A – Soalan 6 Jawapan ialah D. Tiada kesalahan bahasa dalam ayat tersebut.